Kartel daging wujud zaman PH: Najib

m/s: 4

Sinar Harian - 28/12/2020

Laporan pertama disiarkan media pada Oktober 2019

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

SHAH ALAM

Datuk Seri Najib Tun Razak mendakwa, isu kartel daging diragui halal yang dilaporkan berlaku sejak 40 tahun lalu tidak pernah timbul sepanjang tempoh beliau bergelar Perdana Menteri daripada tahun 2009 hingga 2018.

Bekas Perdana Menteri keenam itu berkata, walaupun media melaporkan ia berlaku sejak 40 tahun lalu, kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak pernah menerima apa-apa aduan rasmi berhubung perkara tersebut.



NAJIB

Menurutnya, beliau juga telah memeriksa perkara tersebut dengan menteri-menteri berkaitan pada masa itu dan mereka mengesahkan tiada aduan pernah diterima, selain media juga tidak pernah menimbulkan isu itu.

"Setelah dikaji, rupa-rupanya isu itu pertama kali dilaporkan pada Oktober 2019," katanya menerusi hantaran Facebooknya pada Ahad.

Katanya, dakwaan awal dibuat *Media Asia Sentinel* selepas Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menarik balik pengiktirafan sebuah badan pensijilan halal di Australia.

Jelasnya, pada waktu itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di bawah kerajaan Pakatan Harapan (PH), Datuk Seri Dr Mujahid Yusof dan Timbalannya, Fuziah Salleh menolak dakwaan itu.

Katanya, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Latheefa Koya berjanji menyiasat dan akan mendedahkan keputusan siasatan tersebut.

Beliau menggesa agar Mujahid, Fuziah dan Latheefa menjawab tentang status siasatan skandal kartel daging berkenaan sepanjang tempoh empat bulan mereka menyiasat.

Najib turut memuat naik keratan laporan berhubung kartel daging haram di laman Facebook beliau pada Ahad.